

TATABAHASA (KESALAHAN BAHASA DAN EJAAN)

Latihan Set 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu **kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Jasa ibu bapa yang telah mendidik kita terlalu besar sungguh dan tidak dapat dinilai dengan harta.
- ii. Sultan Azlan Shah telah bersetuju untuk menganugerahkan pingat kebesaran kepada rakyat yang layak sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-60.
- iii. Puan Haiza tidak turut serta dalam majlis hari jadi di rumah Puan Jamilah kerana dia telah membuat temu janji dengan doktor.
- iv. Buah mangga yang masak ranum itu kami telah petik.

Jawapan :

i-----

ii-----

iii-----

iv-----

Latihan Set 2

- i. Anwar mengambil masa dua setengah jam untuk menyiapkan lukisan pemandangan di tepi pantai itu.
- ii. Bahan-bahan lain yang mereka bawa untuk menyertai perkhemahan perdana badan beruniform itu ialah makanan, minuman, dan pakaian mandi.
- iii. Pemandangan pada waktu senja di kawasan pergunungan ialah pemandangan yang amat tercantik.
- iv. Walaupun harga makanan yang dijual di Ahmad Maju Restoran agak mahal, tetapi makanan di restoran itu sedap.

i-----

ii-----

iii-----

iv-----

